

04/09/1998

Demi keselamatan dan kepentingan negara

PELUCUTAN jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta semua kedudukannya dalam kerajaan, seharusnya diterima dengan tenang. Malah, dalam apa juga perkembangan selanjutnya, rakyat seharusnya memberi keyakinan kepada kerajaan dan pimpinan negara untuk menyelesaikan isu ini dengan sebaik-baiknya. Sejak berita mengenai pelucutan jawatan Anwar meletus, kelmarin, tidak ada tanda-tanda menunjukkan rakyat panik dan hilang pedoman. Perhitungan yang bijak seperti itu memang diharapkan kerana persoalan yang dihadapi itu sudah pun dikaitkan dengan proses undang-undang, yang tentunya perlu diuruskan menerusi proses itu.

Buat masa ini tidak perlulah rakyat membuat sebarang andaian, menjangkau siasatan, tindakan dan keputusan pihak berkuasa. Pihak berkuasa sudah menjalankan penyiasatan, hingga membawa kepada pelucutan jawatan Anwar. Oleh itu, rakyat perlu membenarkan pihak berkuasa menyelesaikan perkara ini dengan bijaksana tanpa perlu menggugat kestabilan politik. Tindakan melucutkan jawatan Anwar adalah keputusan serius yang tentunya tidak dibuat dengan terburu-buru tanpa asas yang benar-benar kukuh.

Sudah menjadi amalan, dalam kes-kes terdahulu, sebarang tindakan yang diambil dalam pengurusan dan pentadbiran kerajaan, hanya dibuat selepas mempunyai bukti lengkap. Anwar adalah anak didik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sudah dijanjikan beberapa kali akan mengambil alih teraju pentadbiran negara.

Mustahil Dr Mahathir mahu menghapuskan kerjaya politik Anwar hanya disebabkan perselisihan faham mengenai pengurusan ekonomi negara sebagaimana dicanangkan oleh media asing. Ia juga tidak mungkin dibuat berasaskan tindakan politik kerana berasaskan perkembangan mutakhir politik, Anwar tidak lagi dianggap sebagai pencabar Dr Mahathir. Soalnya, tidak ada faedah kerajaan mahu bertindak sesuka hati dalam keadaan ekonomi yang masih bergelora.

Namun, ada perkara lebih besar yang memungkinkan Dr Mahathir tidak mahu dituduh membendung atau bersubahat dengan tindak tanduk sama ada membabitkan undang-undang dunia atau hukum agama. Walaupun tindakan Dr Mahathir itu begitu berat untuk dilaksanakannya, namun atas nama kewajibannya sebagai seorang pemimpin, walau segetir mana sekali pun, ia terpaksa juga dilakukan atas nama kedaulatan undang-undang dan kesucian agama.

Daripada kandungan afidavit Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah yang difailkan di Mahkamah Tinggi berhubung kes pemilikan peluru secara haram yang dihadapi Pengarah Hal Ehwal Awam Magnum, Datuk S Nallakaruppan yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), menyatakan siasatan polis berkaitan buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM mendapati kes itu membabitkan keselamatan dan kepentingan negara.

Oleh itu, pendakwaan boleh dibuat terhadap Anwar mengikut undang-undang negara seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA), Kanun Keseksaan, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Pencegahan Rasuah 1961 dan 1997.

Disebabkan buku itu mengandungi dakwaan membabitkan pelakuan Anwar, adalah sewajarnya dakwaan itu perlu dibuktikan mengikut proses tertentu. Jika Anwar masih menduduki jawatan yang tinggi dalam kerajaan, ada kemungkinan menimbulkan pelbagai masalah. Tuduhan yang dihadapi Anwar

sebagaimana terkandung dalam buku itu dan pembabitan beliau mengikut affidavit yang difailkan di Mahkamah Tinggi semalam yang membabitkan salah laku seksual dan perkara yang boleh mendatangkan bahaya kepada keselamatan negara, memang pahit untuk ditelan. Ini kerana selama ini Anwar dijulung sebagai pemimpin yang membawa imej Islam dan gerak-gerinya sering dijadikan teladan.

Oleh itu, apabila beliau dituduh melakukan perbuatan sumbang itu, ia menimbulkan kekeliruan yang segala-galanya memerlukan penjelasan. Tentunya, penjelasan seperti ini tidak boleh dibuat secara terbuka. Tidak sewajarnya beliau masih dibenarkan memegang jawatan tinggi dalam kerajaan sedangkan tuduhan yang dihadapinya boleh menjejaskan kewibawaan Kabinet dan negara.

Tindakan Dr Mahathir itu mendapat sokongan padu daripada pelbagai pihak termasuk sokongan politik. Mereka memberi sokongan kerana yakin tindakan Dr Mahathir bukan untuk tujuan menganiaya, sebaliknya menegakkan kebenaran. Bagi Umno, peristiwa ini tidak seharusnya membawa kepada bibit perpecahan. Sebaliknya, Umno perlu terus padu kerana cabaran yang akan dihadapi adalah jauh lebih mencabar.

(END)